



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

23 Mac, 1987.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.7 TAHUN 1987
Surat Penghargaan

1. Tujuan

Pekeliling ini dikeluarkan untuk tujuan penyediaan dan penyampaian Surat Penghargaan kepada pegawai-pegawai berkenaan yang akan bersara.

2. Latarbelakang

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1986 telah menentukan format baru untuk Surat Penghargaan bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, C dan D. Berdasarkan kepada format itu Ibu Pejabat ini telah mencetakkan Surat Penghargaan tersebut untuk kegunaan Jabatan ini.

3. Prosedur Menyediakan Surat Penghargaan

3.1 Bagi Kakitangan Kumpulan B, C & D
(Melainkan Kumpulan Pekerja Buruh)

- 3.1.1 Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan akan menandatangani Surat Penghargaan bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, C dan D yang akan bersara melainkan pekerja buruh (IMG).
- 3.1.2 Pengarah Ukur/Ketua Seksyen hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat pegawai seperti di perenggan 2.1 ke Ibu Pejabat ini 3 bulan sebelum tarikh persaraan mereka. Maklumat-maklumat adalah seperti berikut :-

- i. Nama
- ii. Jawatan
- iii. Tarikh bersara
- iv. Panjang Perkhidmatan

3.1.3 Surat Penghargaan akan disediakan dan dihantar kepada Pengarah Ukur/Ketua Seksyen 2 bulan sebelum tarikh persaraan itu.

3.2 Bagi Kumpulan D – Pekerja/Buruh sahaja

- 3.2.1 Bagi Pekerja buruh (IMG), Pengarah Ukur boleh menyediakan serta menandatangani Surat Penghargaan itu.
- 3.2.2 Pengarah Ukur hendaklah menyampaikan Surat Penghargaan itu kepada pekerja berkenaan dalam satu majlis yang sesuai.
- 3.2.3 Semua penyampaian Surat Penghargaan perlu dicatit serta disahkan oleh Pengarah Ukur sendiri dalam sebuah buku daftar.

3. Format Surat Penghargaan

Format surat Penghargaan yang cukup akan dibekalkan kepada Pengarah Ukur untuk pelaksanaan perenggan 2.2 di atas.

4. Tarikh Kuatkuasa

Tarikh kuatkuasa adalah mulai dari pengeluaran Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran Kepada :

Semua Pengarah Ukur Negeri

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Pengarah Ukur Pemetaan.

Pengarah Ukur Kadastra.

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan.

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra.

Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas).